

**Kompleksiti Soalan dalam Bahan Implimentasi Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Meninjau Kemantapan Kualiti Soalan dalam Proses Pengajaran-Pembelajaran Bahasa ke Arah Peningkatan Profesionalisme Guru**

oleh

Noor Rohana Mansor  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
[noor\\_rohana@kustem.edu.my](mailto:noor_rohana@kustem.edu.my)

**ABSTRAK**

*Kajian ini menganalisis dan menilai kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan implementasi kurikulum menerusi proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Objektifnya untuk melihat sejauh manakah kepelbagaian kompleksiti soalan diaplikasikan dalam binaan soalan-soalan kefahaman sebagai usaha untuk merangsang dan membentuk keupayaan berfikir pelajar pada kepelbagaian tahap pemikiran. Metodologi kajian menggunakan kaedah analisis kandungan dengan kod semakan yang dibina berdasarkan beberapa model taksonomi soalan. Analisis data secara kuantitatif berserta huraian data anekdot dikemukakan untuk menjelaskan dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan wujud fenomena bias penggunaan kategori soalan; unsur-unsur stereotaip pertanyaan dan trend penggunaan kategori soalan mengikut jenis petikan teks pemahaman. Implikasinya, kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan implementasi kurikulum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu masih gagal menyediakan minda pelajar ke arah kepelbagaian tahap berfikir malah pemikiran pelajar hanyalah terhad kepada skop pertanyaan yang stereotaip. Tegasnya input binaan soalan perlukan peningkatan ke arah kandungan kompleksiti soalan yang lebih mencabar minda pelajar. Justeru usaha-usaha penyelidikan sebegini wajar diteruskan dan didesiminasi sebagai usaha perkongsian ilmu serta menjadi teras kepada peningkatan profesionalisme guru.*

**PENGENALAN**

Agenda pendidikan negara yang berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Negara mempunyai matlamat dwifungsi iaitu sebagai wahana pembangunan manusia dan sumber daya manusia. Kewajipan ini disalurkan kepada sekolah sebagai perantara ke arah melahirkan generasi yang mantap pengetahuan ilmunya dan yang berakal serta berfikir dalam menghadapi kehidupan. Ini bermakna sekolah harus bebas dari belenggu peranan sebagai pengeluar lepasan sekolah yang sekadar memiliki maklumat tanpa ilmu dan yang memiliki akal namun gagal berfikir. Justeru akal fikiran pelajar perlu dipupuk ke arah penghasilan generasi berfikir yang lebih mantap dan berkesan.

Pemupukan ini pada dasarnya disalurkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang menuntut satu anjakan paradigma di sekolah daripada ikatan dominasi peperiksaan kepada peranan pembangunan insan yang bersifat menyeluruh dan bersepadan dengan penegasan kepada aspek pembangunan intelek yang mencakupi konteks kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Dengan itu sekolah menjadi asas di dalam mengasuh serta meluaskan potensi pemikiran pelajar kepada kepelbagaian upaya untuk berfikir. Tanggungjawab ini terpikul di bahu kalangan pendidik untuk melaksanakan proses berfikir di kalangan pelajar menerusi aktiviti-aktiviti di bilik darjah. Elemen-elemen ini juga perlu disalurkan melalui input bahan implementasi kurikulum sebagai media yang menjadi perantara kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam konteks pendidikan input yang menggerakkan pelajar untuk berfikir perlu diberi perhatian dan penelitian. Dari sudut prosesnya rangsangan untuk pelajar berfikir digerakkan oleh soalan. Penggunaan soalan perlu dipelbagaikan kompleksitinya kerana fungsi dan peranan soalan melebihi daripada keupayaan untuk menguji kefahaman pelajar semata-mata. Soalan-soalan yang digunakan secara berkesan dapat membentuk penguasaan kemahiran berfikir dengan mantap di kalangan pelajar juga menjadi alat untuk menilai tahap keupayaan pemikiran mereka ke arah pembelajaran yang lebih produktif. Dalam hal ini, Sanders (1966) memberi penegasan bahawa soalan-soalan yang baik dan berkesan memperlihatkan tahap pemikiran yang luas dan dibentuk menggunakan aras pemikiran yang berbeza serta dapat mengarahkan pelajar kepada pembelajaran. Di samping itu aplikasi binaan soalan yang direkabentuk dengan kepelbagaian kompleksiti sebagai input dalam media pengajaran dapat menjamin kualiti bahan yang mantap dan menjadi sumber pengajaran dan pembelajaran yang terbaik kepada pelajar. Tegasnya, keberkesanannya tahap pemikiran pelajar juga bergantung kepada penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan yang dikemukakan dalam teks dan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selaras dengan ini banyak kajian telah didapati membuktikan perkaitan dan kesan antara penggunaan soalan dalam merangsang pemikiran pelajar. Dalam konteks pendidikan bahasa, khususnya di dalam aspek kefahaman bacaan, kajian-kajian telah membuktikan kepentingan penggunaan soalan dengan pelbagai tahap menjadi perangsang kepada pelajar untuk berfikir juga menentukan tahap pemikiran mereka (Wilson, 1973; Sato, 1978; Dillon, 1978; dan Marohaini, 1986). Kajian oleh Costa (1985), Fraenkel (1986) dan Langrehr (1993) telah membuktikan dapatan yang menunjukkan korelasi di antara penggunaan pelbagai soalan pada aras tinggi dengan kesan positif terhadap pemikiran kritis pelajar. Begitu juga dapatan daripada kajian oleh Cole & Williams (1973), Smith (1978) dan Dillon (1981) membuktikan perbezaan yang nyata ke atas pelajar dan proses pembelajarannya kesan daripada penggunaan soalan pada aras rendah dan tinggi. Browne (1990), menjelaskan penggunaan soalan-soalan pada aras tinggi akan membentuk pelajar berfikiran kritikal dalam membuat keputusan, memberi pandangan dan penilaian. Manakala Guszak (1967) membuktikan kebanyakan guru yang menggunakan soalan pada aras rendah yang melibatkan pengecaman butiran dan mengingati fakta memberi implikasi kepada penghasilan pelajar yang tidak mencabar mindanya. Oleh itu, penggunaan soalan dengan pelbagai kompleksiti tegasnya dapat memenuhi kehendak penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, di samping meningkatkan perkembangan personaliti dan konsep kendiri pelajar

ke arah kematangan dalam memperoleh ilmu pengetahuan serta mengaplikasikannya dalam kehidupan.

Secara khususnya, dalam konteks kurikulum pendidikan Bahasa Melayu penggunaan soalan dan penyoalan bagi menggerakkan kemahiran berfikir merentasi aspek-aspek kemahiran berbahasa. Soalan dan penyoalan menjadi teras dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran bagi aspek kemahiran lisan iaitu kemahiran mendengar dan bertutur; kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Keperluan kepada penggunaan soalan dan penyoalan dalam memantapkan penguasaan kemahiran berfikir pelajar disampaikan melalui perantaraan ‘bahasa’ sebagai wahana menyalurkan keberkesanan pemikiran dan ketrampilan berbahasa pelajar. Oleh sebab itulah dalam menggubal kurikulum pendidikan bahasa, objektif pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah (2000) sebagai kesinambungan daripada sekolah rendah antara lain memberi peruntukan untuk membolehkan pelajar:

- i. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- ii. menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- iii. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan.

(Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, 2000)

Penetapan objektif ini secara tersiratnya memerlukan komitmen pendidik yang jitu dalam membentuk dan memupuk kebolehan berfikir pelajar pada pelbagai aras kognitif. Di samping berhasrat memberi penegasan kepada kecekapan berbahasa, sasaran terakhir menegaskan aras pencapaian ketrampilan berbahasa adalah untuk menyalurkan idea melalui perbicaraan, pidato, berhujah secara membina dan mengulas dengan kritis dan analitis dalam perbicaraan, pembacaan dan penulisan. Sasaran ini pada hakikatnya adalah bagi mencabar kalangan pendidik untuk memberikan input kandungan bahasa ke arah menguasai kemahiran berfikir dengan mantap, di samping menggerakkan minda pelajar dengan soalan dan penyoalan yang meliputi pelbagai aras kognitif bagi memenuhi keperluan pencapaian dan penekanan objektif tersebut.

Oleh itu jelas dapat dilihat, penggunaan soalan-soalan yang berkesan dalam pendidikan Bahasa Melayu juga diperlukan untuk merangsang pemikiran pelajar ke arah berfikiran kritikal dalam menangani kehendak pelbagai aspek kemahiran berbahasa. Melalui soalan, Marohaini Yusoff (1989) menjelaskan pelajar dapat menentukan kefahamannya tentang isi, idea, persoalan, maksud sesuatu perkataan, konsep dan rangkai kata terhadap bahan yang dibacanya. Ungkapan pertanyaan dan soalan yang digunakan sewajarnya mengandungi pelbagai aras dalam usaha membentuk pelajar agar dapat menguasai soalan-soalan dari aras rendah kepada yang lebih mencabar pemikiran.

Oleh sebab inilah klasifikasi aras kognitif soalan perlu diberi perhatian dan penekanan serius oleh pendidik dalam mengimplimentasikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru seharusnya menggunakan soalan yang pelbagai aras kognitif bagi menggerakkan pelajar ke arah menguasai kemahiran berfikir pada kepelbagaian aras tersebut. Tegasnya, soalan yang dibina dan dikemukakan wajar didasarkan kepada klasifikasi hierarki aras kognitif soalan bagi menjamin

penggunaan kepelbagaian aras penyoalan ke arah menerapkan kemahiran berfikir dan memantapkan pemikiran pelajar.

Implikasinya, kepentingan aspek kompleksiti soalan perlu dilihat penggunaannya dalam bahan implementasi kurikulum yang didokumenkan sebagai perantara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bertujuan untuk meneliti dan menilai aplikasi binaan kompleksiti soalan dalam bahan tersebut di bawah kawalan mutu ke arah pemantapan bahan dan pembentukan serta penyaluran kemahiran berfikir kepada pelajar secara berkesan dapat diberi perhatian. Pelaksanaan input ini wajar digerakkan kerana berasaskan dapatan kajian sama ada dalam mahupun luar negara menunjukkan aplikasi penggunaan soalan menjurus kepada sindrom aras pemikiran rendah dan gagal menggalakkan pemikiran kritis di kalangan pelajar. Media pengajaran buku teks sebagai bahan sumber utama dan buku-buku rujukan serta buku kerja dalam kajian berhubung penggunaan soalan didapati masih tertumpu pada aras rendah dan soalan pada aras tinggi tidak diberi perhatian (Rawadieh, 1998; Noor Rohana, 1996; Chinoda, 1982; Roger, 1973; Schmidt, 1972; De La Cruz, 1971 dan Wadleigh, 1970).

Dalam pada itu, implementasi pengajaran oleh guru juga menjadi asas yang penting untuk dinilai dalam proses penyampaian maklumat kepada pelajar bagi memastikan kehendak dan strategi sasaran tepat pada laluannya. Guru sebagai pelaksana kurikulum bertanggungjawab dalam proses penyampaian kurikulum ke arah menyalurkan serta menggerakkan perkembangan intelek pelajar. Dapatkan kajian menjelaskan guru paling banyak menggunakan soalan untuk tujuan menggerakkan minda pelajar (Dillon, 1982; Feldhusen & Treffinger, 1980; USDOE, 1980). Namun, tujuh puluh peratus daripada soalan-soalan tersebut menjurus kepada soalan mengingati fakta (USDOE, 1980), yang dirujuk oleh Schiever (1991) sebagai “shrinking question”. Ini kerana 80% hingga 90% daripada apa yang dipelajari akan dilupai.

Sebaliknya kajian-kajian telah membuktikan soalan pada aras tinggi berjaya menggerakkan pemikiran kritis pelajar (Batson, 1981; McKenzie, 1972; Taba, 1966) dan 80% daripada apa yang dipelajari dapat dikekalkan. Persoalannya, adakah guru kini masih mempunyai keupayaan sebagai penyampai maklumat yang berkesan dalam menggerakkan dan membangunkan intelek pelajar? Kepelbagaian dapatan ini memberi kesan kepada para pendidik supaya memberi perhatian serius kepada penggunaan aspek soalan dan penyoalan. Matlamatnya agar pelajar-pelajar berjaya dibimbing ke arah pembangunan intelek secara kritis dan kreatif. Oleh sebab itulah aspek soalan dan penyoalan dalam implementasi pengajaran dan pembelajaran merupakan satu skop kajian yang mempunyai dasar kukuh untuk diselidiki. Hasilnya adalah untuk membuktikan sejauh manakah penggunaan soalan yang pelbagai aras kognitif telah diberi perhatian dalam bahan-bahan tersebut ke arah pembentukan kepelbagaian bentuk pemikiran di kalangan pelajar.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan implementasi kurikulum iaitu buku latihan pemahaman bertulis pelajar menerusi proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu peringkat menengah atas. Analisis berfokus kepada aspek soalan-soalan kefahaman dalam latihan pemahaman bagi petikan teks umum, moden, klasik dan puisi yang disediakan dalam bahan tersebut. Sasarannya untuk melihat sejauh manakah kepelbagaian kompleksiti soalan diaplikasikan dalam binaan soalan-soalan kefahaman

bagi setiap petikan teks pemahaman menjurus kepada usaha untuk merangsang dan membentuk keupayaan berfikir pelajar pada kepelbagaian tahap pemikiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan jawapan kepada soalan berikut:

Sejauh manakah kepelbagaian kompleksiti soalan digunakan dalam bahan implementasi kurikulum iaitu buku latihan pemahaman bertulis Bahasa Melayu pelajar peringkat menengah atas mengikut pembahagian jenis petikan teks pemahaman iaitu teks umum, moden, klasik, dan puisi?

## **PENGGUNAAN ISTILAH**

Istilah-istilah berikut diberi maksud merujuk kajian:

- a. Kompleksiti soalan – Merujuk kepada pembahagian kepelbagaian aras kognitif soalan iaitu dari aras rendah kepada aras tinggi mengikut kategori kesukaran soalan kefahaman seperti yang digunakan dalam instrumen kajian.
- b. Bahan implementasi kurikulum – Merujuk kepada buku-buku latihan pemahaman bertulis Bahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar-pelajar khususnya untuk mendokumentkan latihan-latihan bagi petikan teks pemahaman yang diberikan oleh guru sebagai aktiviti pengukuhan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.
- c. Kategori Utama – Merujuk kepada pembahagian empat kategori utama soalan dalam instrumen kajian iaitu Soalan Tahap Literal, Soalan Tahap Inferensi, Soalan Tahap Penilaian dan Soalan Tahap Penghayatan
- d. Subkategori – Merujuk kepada pembahagian tujuh jenis soalan di bawah kategori utama dalam instrumen kajian. Subkategori tersebut ialah Soalan Mengecam Mengingat, Soalan Terjemahan, Soalan Analisis, Soalan Aplikasi, Soalan Sintesis, Soalan Penilaian dan Soalan Penghayatan.
- e. Sub-Subkategori – Merujuk kepada pecahan aspek-aspek penyoalan yang lebih kecil, khusus dan jelas di bawah setiap subkategori soalan dalam instrumen kajian. Setiap aspek penyoalan mengandungi beberapa frasa penyoalan yang lebih spesifik untuk mengklasifikasikan hierarki pemikiran soalan.
- f. Kod Analisis Aras Kognitif Soalan – Merujuk kepada nama instrumen kajian yang digunakan khusus untuk kepentingan melaksanakan kajian. Instrumen ini mengandungi senarai penuh kategori-kategori kompleksiti soalan mengikut klasifikasi hierarki pemikiran.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh institusi yang berkaitan dengan pendidikan atau pun kalangan individu yang terlibat secara langsung dalam menyampaikan ilmu. Dapatkan kajian boleh menjadi input berguna kepada beberapa pihak antaranya Kementerian Pendidikan, Bahagian Buku Teks, dan penggubal kurikulum untuk memantau hasil implementasi kurikulum pendidikan serta

menilai sejauh manakah kejayaannya dalam konteks membentuk keupayaan berfikir pelajar. Dapatkan ini juga membantu kalangan guru dan penulis serta penerbit bahan-bahan kurikulum untuk lebih prihatin dan berusaha memberi penekanan kepada aspek penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan agar dapat menjana serta memberi kesan kepada pemikiran pelajar. Maklumat dapanan kajian juga dapat dijadikan modul sebagai panduan untuk peningkatan input dalam menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya mengemaskini dan memantapkan strategi tindakan dalam konteks penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan yang memberi kesan kepada pemahaman pelajar dan kualiti input bahan kurikulum.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka bentuk dan Instrumentasi**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Untuk tujuan ini satu instrumen kajian berbentuk kod semakan telah dibina iaitu Kod Analisis Aras Kognitif Soalan. Instrumen ini diasaskan daripada kerangka teori domain kognitif oleh Bloom (1956) berserta rujukan empat model soalan terdahulu daripada Sanders (1966), Barrett (1972), Santoz (1976) serta Barrett dan Pearson (1989) dengan pengubahsuain dan peningkatan input selaras dengan kandungan kurikulum pendidikan Bahasa Melayu menengah atas khususnya untuk meneliti dan menganalisis soalan-soalan kefahaman dalam petikan teks pemahaman bahasa. Kandungan instrumen mengandungi tiga pembahagian iaitu Kategori Utama, Subkategori dan Sub-Subkategori soalan yang memperlihatkan input kategori-kategori soalan mengikut aras klasifikasi hierarki pemikiran. Bagi memenuhi etika kesahan dan kebolehpercayaan, instrumen kajian telah melalui proses penilaian pakar dan penilaian inter-coder sebagai pengesahan penggunaanya dalam kajian.

### **Sampel Kajian**

Kajian ini menggunakan sampel daripada buku latihan pemahaman bertulis Bahasa Melayu peringkat menengah atas iaitu bagi tingkatan 4 dan 5 yang digunakan oleh pelajar-pelajar dalam mendokumentkan latihan-latihan pemahaman yang diberikan oleh guru bagi mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Menerusi buku latihan pemahaman ini, soalan-soalan kefahaman daripada latihan-latihan pemahaman yang diberikan dikutip sebagai data untuk dianalisis. Latihan-latihan tersebut merangkumi pemahaman teks umum, moden, klasik dan puisi. Tempoh latihan pemahaman yang dikutip untuk dianalisis diambil dalam jangka masa setahun persekolahan. Buku-buku latihan tersebut diambil daripada sekolah-sekolah sampel kajian yang dipilih secara rawak. Bagi setiap sekolah data-data diperolehi daripada dua tingkatan yang berbeza iaitu tingkatan 4 dan 5. Kelas-kelas yang terpilih mewakili setiap tingkatan yang diperlukan untuk tujuan kajian.

### **Pengumpulan dan Analisis Data**

Pengumpulan dan analisis data melibatkan tiga prosedur iaitu Semakan dan Penandaan; Transformasi Data; dan Analisis Data. Langkah awal, data-data dikumpul melalui penelitian ke atas soalan-soalan kefahaman yang disediakan dalam latihan pemahaman bagi setiap petikan teks. Teks tersebut dibaca terdahulu sebelum meneliti soalan untuk semakan dan penandaan bagi menentukan status kategori soalan-soalan tersebut dengan menggunakan instrumen kajian sebagai senarai semak. Berikutnya data-data yang telah disemak dan ditandakan, dipindahkan ke

kolumn kekerapan dalam instrumen kajian untuk tujuan keselarasan pengiraan. Pengiraan ini melibatkan penjumlahan kekerapan dan peratusan kategori-kategori untuk diproses dan dianalisis seterusnya dengan menggunakan program SPSS bagi memenuhi keperluan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Sebagai pengukuhan data, analisis data anekdot iaitu huraihan secara naratif berdasarkan ulasan, komen serta cadangan pengkaji juga dimasukkan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian telah menghasilkan dapatan setelah penganalisaan dilaksanakan ke atas sebanyak 240 latihan pemahaman dengan sejumlah 750 soalan kefahaman bagi keseluruhan peringkat menengah atas. Daripada jumlah tersebut sebanyak 120 latihan pemahaman dengan 373 soalan kefahaman terkandung dalam buku latihan pemahaman tingkatan 4. Perinciannya seperti berikut: teks umum meliputi 20 jumlah petikan dengan sejumlah 60 soalan kefahaman; teks moden meliputi 36 petikan teks pemahaman dengan 115 jumlah soalan kefahaman; teks klasik mengemukakan 16 petikan teks dengan 47 jumlah soalan kefahaman; manakala petikan teks puisi mengandungi 48 jumlah petikan teks pemahaman dengan 151 jumlah soalan kefahaman. Bagi buku latihan pemahaman tingkatan 5, sebanyak 120 jumlah petikan teks pemahaman dengan 377 jumlah soalan kefahaman dikemukakan keseluruhannya. Perinciannya seperti berikut: teks umum meliputi 20 jumlah petikan teks dengan 63 soalan kefahaman; teks moden mengandungi 36 petikan teks dengan 121 jumlah soalan kefahaman; teks klasik mengemukakan 16 petikan dengan sejumlah 44 soalan kefahaman; manakala teks puisi melibatkan 48 petikan dengan 149 soalan kefahaman.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian telah membuktikan soalan-soalan kefahaman bagi keseluruhan petikan teks pemahaman telah menunjukkan penggunaan kepelbagaiannya kompleksiti soalan dalam konteks kategori utama, subkategori dan sub-subkategori soalan. Namun, bagi penelitian perincian kepada setiap jenis petikan teks pemahaman dapatan kajian membuktikan soalan-soalan yang dibina masih terhad kepada kepelbagaiannya kompleksitinya untuk setiap kategori yang diteliti. Ini bermakna untuk setiap kategori utama, subkategori dan sub-subkategori, soalan-soalan yang dibina meliputi hanya beberapa tahap, jenis-jenis soalan serta aspek penyoalan dan frasa penyoalan tertentu sahaja digunakan. Tidak semua diaplikasikan dalam binaan soalan kefahaman yang disediakan. Dapatannya adalah seperti berikut:

a. Kategori utama soalan:

Analisis penggunaan keseluruhan kategori utama soalan dalam buku latihan pemahaman Bahasa Melayu peringkat menengah atas iaitu bagi tingkatan 4 dan 5, memperlihatkan daripada empat kategori soalan dalam instrumen kajian, penggunaan kategori Soalan Tahap Penghayatan (41%) dan Soalan Tahap Inferensi (39%) menjadi tumpuan binaan soalan-soalan kefahaman daripada keseluruhan jumlah soalan kefahaman yang diteliti. Soalan Tahap Literal (13%) dan Soalan Tahap Penilaian (7%) juga digunakan tetapi pada tahap rendah.

Secara terperinci, petikan teks umum memberi tumpuan utama binaan soalan kepada Soalan Tahap Inferensi (42%) diikuti Soalan Tahap Literal (33%), Soalan Tahap Penilaian (25%) dan tiada soalan dikemukakan dalam kategori Soalan Tahap

Penghayatan (0%). Petikan teks moden memberi keutamaan kepada Soalan Tahap Penghayatan (47%), Soalan Tahap Inferensi (37%), Soalan Tahap Literal (11%) dan terendah Soalan Tahap Penilaian (5%). Petikan teks klasik, mengutamakan binaan soalan dalam kategori utama Soalan Tahap Penghayatan (35%) dan Soalan Tahap Inferensi (31%) serta Soalan Tahap Literal (28%), manakala Soalan Tahap Penilaian (6%) paling rendah digunakan. Bagi petikan teks puisi dua kategori utama menjadi tumpuan iaitu Soalan Tahap Penghayatan (55%) dan Soalan Tahap Inferensi (41%), manakala Soalan Tahap Literal (6%) dan Soalan Tahap Penilaian (6%) digunakan pada kadar yang rendah.

Perbezaan-perbezaan penggunaan ini dengan kadar capaian peratusan yang jelas di antara kategori-kategori yang mendapat tumpuan utama penggunaan dengan yang rendah capaian peratusannya mengakibatkan berlaku bias penggunaan kategori dengan longgokan sesuatu kategori utama secara nyata untuk setiap latihan pemahaman. Keadaan ini membawa kepada ketidakseimbangan penggunaan kategori dalam binaan soalan-soalan kefahaman bagi setiap latihan pemahaman di mana wujud situasi antaranya binaan soalan-soalan kefahaman dengan penggunaan dua kategori utama sahaja dalam sesuatu latihan. Kesannya pelajar-pelajar disogok dengan penggunaan sesuatu kategori di dalam setiap latihan yang dikemukakan.

Penelitian kepada keutamaan tumpuan ini juga telah memperlihatkan dengan jelas fakta trend penggunaan kategori utama soalan dalam binaan soalan-soalan kefahaman mengambil kira jenis latar petikan teks pemahaman. Hasil kajian dengan nyata menunjukkan petikan-petikan teks moden, klasik dan puisi memberi keutamaan kepada kategori utama Soalan Tahap Penghayatan dan Soalan Tahap Inferensi di samping Soalan Tahap Literal dan Soalan Tahap Penilaian manakala petikan teks umum pula mengutamakan kategori utama Soalan Tahap Inferensi, Soalan Tahap Literal dan Soalan Tahap Penilaian sahaja. Keadaan ini dikenal pasti wujud oleh kerana kesesuaian latar teks dengan penggunaan kategori utama tersebut dalam membina soalan-soalan kefahaman bagi setiap jenis petikan teks berkenaan. Walaupun demikian kesesuaian ini dapat diperbaiki dan ditingkatkan kepada alternatif penggunaan kepelbagaian kategori utama soalan merentasi jenis petikan teks pemahaman sebagai usaha untuk mempelbagaikan penggunaan aras kognitif soalan dalam binaan soalan-soalan kefahaman yang memberi kesan kepada rangsangan pembentukan berfikir pelajar.

b. Subkategori soalan:

Analisis penggunaan keseluruhan subkategori soalan dalam buku latihan pemahaman Bahasa Melayu peringkat menengah atas iaitu bagi tingkatan 4 dan 5, memperlihatkan daripada senarai tujuh subkategori soalan dalam instrumen kajian, penggunaan subkategori Soalan Penghayatan (41%) menjadi tumpuan utama binaan soalan. Soalan Analisis (19%), Soalan Mengecam Mengingat (13%) dan Soalan Terjemahan (11%) mendapat tumpuan berikutnya. Manakala binaan soalan-soalan kefahaman bagi subkategori Soalan Penilaian (7%), Soalan Aplikasi (5%) dan Soalan Sintesis (4%) juga diberi perhatian penggunaan pada kadar yang rendah daripada keseluruhan jumlah soalan kefahaman yang dikemukakan.

Secara terperinci, petikan teks umum mengutamakan subkategori Soalan Mengecam Mengingat (32%) dan Soalan Penilaian (25%) dalam latihan-latihan pemahaman yang

diteliti. Peruntukan penggunaan bagi subkategori Soalan Analisis (16%), Soalan Sintesis (15%), Soalan Terjemahan (10%) dan Soalan Aplikasi (2%) adalah rendah peratusannya. Manakala bagi subkategori Soalan Penghayatan (0%) didapati langsung tidak mendapat perhatian penggunaan bagi teks ini.

Petikan teks moden yang berlatarkan genre sastera menunjukkan tumpuan penggunaan kepada tiga subkategori soalan iaitu Soalan Penghayatan (47%), Soalan Analisis (26%) dan Soalan Mengecam Mengingat (11%). Aplikasi subkategori soalan-soalan yang lain didapati kurang digunakan iaitu Soalan Penilaian (5%), Soalan Terjemahan (5%), Soalan Aplikasi (3%) dan Soalan Sintesis (3%).

Bagi petikan teks klasik tiga subkategori soalan mendapat tumpuan dalam binaan soalan-soalan kefahaman iaitu Soalan Penghayatan (35%), Soalan Mengecam Mengingat (27%) dan Soalan Analisis (20%). Penggunaan subkategori Soalan Terjemahan (9%), Soalan Penilaian (7%) dan Soalan Sintesis (2%) ditemui pada peratusan yang rendah manakala Soalan Aplikasi (0%) tidak digunakan bagi kedua-dua tingkatan. Tegasnya, kriteria peruntukan keutamaan dalam binaan soalan-soalan kefahaman bagi kedua-dua tingkatan tidak diberi perhatian dalam latihan-latihan pemahaman yang dikemukakan.

Petikan teks puisi memperlihatkan lebih separuh daripada binaan soalan dibina dalam subkategori Soalan Penghayatan (55%) di samping Soalan Terjemahan (16%) dan Soalan Analisis (16%). Soalan Aplikasi (8%), Soalan Penilaian (2%), Soalan Mengecam Mengingat (2%) dan Soalan Sintesis (0.3%) masih digunakan walaupun pada tahap rendah.

Perincian ini menunjukkan hanya petikan teks moden sahaja didapati telah menggunakan ketujuh-tujuh subkategori soalan tersebut. Bagi petikan teks umum, klasik dan puisi didapati hanya beberapa subkategori soalan sahaja telah digunakan dan masih ada subkategori yang diabaikan terus pendedahan bagi keseluruhan latihan pemahaman yang diberi. Ini bermakna tidak semua subkategori soalan digunakan untuk binaan soalan-soalan kefahaman bagi keseluruhan latihan pemahaman yang disediakan, masih ada subkategori soalan yang tidak digunakan serta tidak diberi pendedahan langsung dalam petikan teks yang berkenaan juga untuk setiap tingkatan.

Jelasnya, senario yang wujud dari segi perbezaan tumpuan dan keutamaan penggunaan subkategori soalan disebabkan oleh dua fakta iaitu ketiadaan kadar agihan khusus untuk dijadikan garis panduan ikutan serta kecenderungan penggunaan kategori soalan mengikut latar jenis petikan teks pemahaman. Dua fakta ini menjadi punca ketidakseimbangan dan perbezaan tumpuan dalam binaan soalan-soalan kefahaman bagi keseluruhan latihan pemahaman dalam buku-buku latihan pemahaman yang diselidiki menyebabkan berlaku bias penggunaan kategori yang jelas. Implikasinya, kesedaran perlu dibangkitkan ke arah menangani fenomena ini agar kualiti input binaan soalan-soalan kefahaman dalam bahan-bahan kurikulum berkenaan memperlihatkan unsur kepelbagaian penggunaan aras kognitif soalan yang stabil serta dapat merangsang dan membentuk hala tuju pemikiran pelajar pada kepelbagaian tahap dengan mantap.

c. Sub-Subkategori soalan:

Dapatkan kajian menunjukkan hanya beberapa aspek penyoalan telah digunakan bagi setiap petikan teks pemahaman sebagai skop pertanyaan untuk mengemukakan soalan. Begitu juga bagi penggunaan frasa-frasa penyoalan, berlaku tumpuan dan pengulangan frasa-frasa yang sama untuk memulakan pertanyaan. Secara terperinci, hasil dapatkan kajian menunjukkan bagi penggunaan sub-subkategori Soalan Mengecam Mengingat, daripada sebelas kepelbagaian aspek penyoalan dan frasa-frasa penyoalan khusus, lima aspek penyoalan telah digunakan dalam binaan soalan-soalan kefahaman untuk petikan teks umum dan klasik; empat aspek penyoalan digunakan dalam petikan teks moden manakala petikan teks puisi hanya menggunakan satu aspek penyoalan sahaja bagi keseluruhan latihan pemahaman yang diberi. Daripada dapatan ini, kajian telah mengenal pasti tiga daripada aspek penyoalan tersebut menjadi tumpuan keutamaan penggunaan keempat-empat jenis petikan teks pemahaman iaitu aspek penyoalan ‘Mengecam dan mengingat hubungan sebab/akibat/kesan’ dan ‘Mengecam dan mengingat fakta khusus’. Di samping itu aspek penyoalan ‘Mengecam dan mengingat tabiat dan perlakuan watak’ juga mendapat perhatian penggunaan bagi petikan teks klasik. Aspek-aspek penyoalan lain digunakan pada kadar rendah. Dalam konteks mengemukakan pertanyaan, frasa penyoalan ‘Apakah’, ‘Mengapakah’, ‘Siapakah’ dan ‘Nyatakan’ mendapat perhatian utama penggunaan dan pengulangan dalam binaan soalan-soalan yang dikemukakan. Walaupun frasa-frasa lain digunakan tetapi pendedahannya pada kadar penggunaan rendah dan paling minima. Aplikasi penggunaan ini menjelaskan usaha ke arah penggunaan kepelbagaian sub-subkategori diperlihatkan dalam binaan soalan-soalan kefahaman melalui petikan teks umum, moden dan klasik tetapi kepelbagaian ini terhad disebabkan berlaku bias penggunaan sub-subkategori kepada tiga aspek penyoalan serta frasa-frasa penyoalan di atas yang sering mendapat perhatian dan pengulangan dalam setiap latihan pemahaman. Keadaan ini wajar dielakkan kerana wujud stereotaip pertanyaan dalam binaan soalan-soalan kefahaman yang menjelaskan kemantapan kualiti input pertanyaan dan meninggalkan kesan negatif kepada pembentukan pemikiran pelajar.

Di bawah sub-subkategori Soalan Terjemahan, terdapat lima aspek penyoalan dan frasa-frasa penyoalan khusus. Hasil kajian menunjukkan petikan teks umum mengaplikasikan hanya satu aspek penyoalan; petikan teks moden dan puisi masing-masing mengemukakan tiga aspek penyoalan; manakala petikan teks klasik memberi pendedahan kepada dua aspek penyoalan dalam keseluruhan binaan soalan-soalan kefahaman yang diberi. Daripada penggunaan-penggunaan ini telah dikenal pasti tiga aspek penyoalan mendapat perhatian utama penggunaan dalam latihan-latihan pemahaman iaitu ‘Menjelaskan frasa/rangkai kata’ yang amat popular penggunaannya merentasi keempat-empat petikan teks pemahaman manakala aspek penyoalan ‘Menjelaskan konteks petikan’ dan ‘Menjelaskan watak’ mendapat perhatian penggunaan bagi ketiga-tiga petikan teks moden, klasik dan puisi. Keutamaan penggunaan ini didapati mengatasi aspek-aspek penyoalan lain dalam latihan-latihan yang diberi dan jelas penggunaannya juga dikenal pasti mengikut kesesuaian jenis petikan teks pemahaman berkenaan. Dan, bagi penggunaan frasa-frasa penyoalan, frasa ‘Apakah’ masih mengatasi penggunaan frasa-frasa penyoalan lain bagi aspek-aspek penyoalan di bawah sub-subkategori ini. Tegasnya, skop penyoalan bagi sub-subkategori ini wajar diberi peningkatan dari segi kepelbagaian penggunaan aspek penyoalan dan frasa-frasa penyoalan serta keutamaan

tumpuannya bagi mengelak bias dan longgokan pertanyaan kepada sesuatu aspek penyoalan dengan nyata.

Bagi penggunaan sub-subkategori Soalan Aplikasi, keempat-empat aspek penyoalan di bawah sub-subkategori ini telah digunakan dalam binaan soalan-soalan kefahaman untuk petikan teks puisi; masing-masing dua aspek penyoalan digunakan dalam petikan teks umum dan moden; manakala petikan teks klasik tiada soalan dibina menggunakan sub-subkategori ini. Dua aspek penyoalan dikenal pasti mendapat tumpuan penggunaan bagi ketiga-tiga petikan teks iaitu aspek penyoalan ‘Menggunakan idea daripada teks untuk menjelaskan contoh/bukti/sebab/alasan terhadap sesuatu kenyataan’ dengan penggunaan tertinggi bagi petikan teks puisi, dan aspek penyoalan ‘Menggunakan idea daripada teks untuk menjelaskan sesuatu perkara’ digunakan pada kadar minima. Frasa penyoalan ‘Apakah’, ‘Berikan’ dan ‘Nyatakan’ telah didapati mendapat perhatian utama penggunaan dalam mengemukakan soalan-soalan. Tegasnya, sub-subkategori Soalan Aplikasi didapati mendapat perhatian utama penggunaan bagi petikan teks puisi dengan kepelbagaian aspek penyoalan yang meluas. Namun, sub-subkategori ini juga seharusnya diberi penekanan yang lebih untuk diaplikasikan dalam petikan-petikan teks yang lain sebagai usaha meningkatkan kepelbagaian skop penyoalan serta penggunaan Soalan Aplikasi dalam soalan-soalan kefahaman bahasa.

Seterusnya, meneliti penggunaan sub-subkategori Soalan Analisis yang terdiri daripada tujuh aspek penyoalan serta frasa-frasa penyoalan khusus, hasil kajian menunjukkan tiga aspek penyoalan telah digunakan dalam petikan teks umum; petikan teks moden dan puisi masing-masing menggunakan lima aspek penyoalan; manakala petikan teks klasik hanya menggunakan dua aspek penyoalan dengan frasa-frasa penyoalan khusus bagi keseluruhan petikan teks pemahaman yang diberi. Daripada penggunaan ini, dua aspek penyoalan telah dikenal pasti menjadi skop penyoalan tumpuan dalam membina soalan-soalan kefahaman iaitu aspek penyoalan ‘Menganalisis bahan teks untuk menjelaskan hubungan sebab/akibat/kesan’ yang menjadi pilihan utama penggunaan bagi keempat-empat teks pemahaman diikuti oleh aspek penyoalan ‘Menganalisis bahan teks untuk menjelaskan maklumat tertentu’ yang menjadi keutamaan dalam petikan teks umum, moden dan klasik. Tiga frasa penyoalan yang sama iaitu ‘Apakah’, ‘Mengapakah’ dan ‘Bagaimakah’ masih unggul penggunaannya merentasi keempat-empat jenis petikan teks pemahaman dalam mengemukakan pertanyaan. Dapatkan ini menunjukkan, kepelbagaian penggunaan sub-subkategori Soalan Analisis lebih banyak diaplikasikan melalui petikan teks moden dan puisi daripada petikan teks umum dan klasik. Keadaan ini didapati berlandaskan kepada kesesuaian latar jenis petikan teks berkenaan dengan penggunaan aspek-aspek penyoalan di bawah sub-subkategori ini. Namun, kepelbagaian penggunaan ini menjadi terhad disebabkan hanya dua aspek penyoalan didapati menjadi tumpuan utama dan pengulangan dalam setiap latihan pemahaman yang diberi. Bias penggunaan kategori dan stereotaip pertanyaan tanpa disedari ternyata menjadi senario biasa dalam binaan soalan-soalan kefahaman bagi setiap latihan pemahaman merentasi setiap jenis petikan teks pemahaman. Situasi ini asasnya berpunca daripada ketiadaan kadar agihan soalan yang tetap untuk diikuti dan dijadikan garis panduan dalam pembinaan soalan-soalan kefahaman menyebabkan soalan-soalan yang dibentuk tanpa mengambil perkiraan dari segi pengkategorian soalan dan kepentingan kepelbagaian aras kognitif dalam binaan soalan-soalan kefahaman.

Selanjutnya, bagi penggunaan sub-subkategori Soalan Sintesis yang mengandungi lima aspek penyoalan, dapatkan kajian menunjukkan aspek-aspek penyoalan di bawah sub-subkategori ini masih kurang diberi perhatian penggunaan dalam membina soalan-soalan kefahaman. Petikan teks umum didapati paling banyak mengaplikasikan sub-subkategori ini dengan menggunakan tiga aspek penyoalan; dua aspek penyoalan digunakan dalam petikan teks moden dan klasik; manakala teks puisi hanya menggunakan satu aspek penyoalan sahaja. Aspek penyoalan ‘Menggabungkan idea daripada teks untuk memberi cadangan dan pendapat bagi menyelesaikan masalah’ dikenal pasti paling popular digunakan untuk mengemukakan pertanyaan bagi keempat-empat jenis petikan teks dan paling tinggi penggunaannya bagi petikan teks umum. Aspek-aspek penyoalan lain di bawah sub-subkategori ini digunakan pada kadar paling minima, hanyalah sebagai pendedahan sahaja dan tidak digiatkan penggunaannya. Ini menyebabkan skop penyoalan menjadi terhad kepelbagaiannya. Penggunaan frasa penyoalan masih mengutamakan frasa ‘Apakah’ dan ‘Berikan’ dalam mengemukakan pertanyaan.

Bagi sub-subkategori Soalan Penilaian, hasil kajian menunjukkan kedua-dua aspek penyoalan di bawah sub-subkategori ini telah digunakan dalam petikan-petikan teks umum, moden dan klasik manakala bagi teks puisi hanya menggunakan satu aspek penyoalan sahaja. Daripada penggunaan ini, telah dikenal pasti aspek penyoalan ‘Menilai, mengulas dan memberi pandangan terhadap pendapat berhubung sesuatu isu daripada teks’ menjadi skop penyoalan utama dalam membina soalan-soalan kefahaman bagi keempat-empat petikan teks tersebut dan paling banyak penggunaannya didapati dalam petikan teks umum diikuti oleh teks moden manakala petikan teks klasik dan puisi hanya menggunakannya pada kadar rendah. Frasa penyoalan ‘Pada pendapat anda’ mendapat perhatian utama penggunaan dalam mengemukakan soalan-soalan kefahaman. Penggunaan sub-subkategori Soalan Penilaian seharusnya digiatkan dalam binaan soalan-soalan kefahaman merentasi setiap jenis petikan teks pemahaman demi kepentingan menyediakan pelajar kepada corak pemikiran kritikal. Begitu juga bagi penggunaan frasa penyoalan, perlu dipelbagaikan untuk mengelak daripada stereotaip penggunaan sesuatu frasa penyoalan yang sama dalam setiap latihan yang diberi.

Terakhir, penelitian di bawah sub-subkategori Soalan Penghayatan yang mengandungi empat aspek penyoalan, hasil kajian mendapati kesemua aspek penyoalan tersebut telah digunakan dalam petikan teks moden dan klasik; petikan teks puisi menggunakan tiga aspek penyoalan; manakala petikan teks umum tidak menggunakan sebarang sub-subkategori Soalan Penghayatan dalam keseluruhan binaan soalan-soalan kefahaman. Daripada penggunaan ini dua aspek penyoalan dilihat mendapat penggunaan yang menggalakkan bagi ketiga-tiga petikan teks berkenaan. Aspek penyoalan ‘Menghayati, menilai dan mengulas fakta, idea dan nilai-nilai murni dalam bahan teks’ yang menjadi keutamaan penggunaan dan pengulangan pertanyaan paling tinggi bagi teks puisi. Aspek penyoalan ‘Menghayati, menilai dan mengulas teknik-teknik kesusasteraan dalam bahan teks’ menjadi skop pertanyaan utama kedua tertinggi digunakan bagi ketiga-tiga teks tersebut. Beberapa frasa penyoalan dikenal pasti menjadi keutamaan pertanyaan iaitu ‘Pada pendapat anda’, ‘Jelaskan’, ‘Apakah’ dan ‘Berikan alasan/komen/ulasan/hujah’. Kepelbagaian penggunaan sub-subkategori Soalan Penghayatan didapati amat memberangsangkan terutama bagi tiga teks berkenaan oleh kerana unsus-unsur penghayatan telah menjadi intisari kepada latar teks berkenaan. Seharusnya, sub-subkategori ini juga menjadi pilihan pertanyaan bagi teks umum ke arah mempelbagaikan

skop penyoalan dan merangsang pemikiran pelajar pada kepelbagaian tahap pemikiran merentasi pelbagai teks pemahaman.

Tegasnya, daripada penelitian kepelbagaian penggunaan sub-subkategori soalan ke atas keempat-empat jenis petikan teks pemahaman dalam buku-buku latihan pemahaman Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5, beberapa fenomena diperolehi iaitu: hanya beberapa aspek penyoalan di bawah sub-subkategori soalan tertentu sahaja digunakan sepenuhnya untuk jenis petikan teks tertentu sahaja; majoriti daripada aspek penyoalan dan frasa penyoalan di bawah setiap sub-subkategori soalan tidak digunakan sepenuhnya; daripada beberapa aspek penyoalan yang digunakan dikenal pasti satu atau dua aspek penyoalan mendapat perhatian utama serta menjadi tumpuan dan keutamaan pertanyaan bagi setiap sub-subkategori; unsur pengulangan pertanyaan bagi skop penyoalan dan penggunaan frasa penyoalan yang sama adalah satu kebiasaan bagi setiap latihan dan untuk setiap jenis petikan teks; stereotaip pertanyaan wujud daripada pengulangan penggunaan aspek-aspek penyoalan dan frasa-frasa penyoalan tertentu dalam setiap latihan pemahaman merentasi keempat-empat jenis petikan teks pemahaman; bias penggunaan aspek penyoalan dan frasa penyoalan jelas kelihatan akibat daripada penggunaan aspek penyoalan dan frasa penyoalan yang tidak dikawal secara khusus tanpa kadar agihan tetap menyebabkan ketidakseimbangan penggunaan aspek penyoalan dan frasa penyoalan di bawah setiap sub-subkategori, juga di antara sub-subkategori soalan wujud; trend penggunaan aspek penyoalan tertentu untuk jenis petikan teks tertentu juga dikenal pasti wujud untuk kesesuaian dengan latar petikan teks berkenaan. Tegasnya, usaha ke arah mempelbagaikan penggunaan aspek penyoalan dan frasa penyoalan di bawah setiap sub-subkategori soalan kefahaman ke tahap yang lebih meluas meliputi keempat-empat jenis petikan teks pemahaman dan tidak terhad kepelbagaianya seperti mana yang dibuktikan melalui dapatan kajian ini wajar diberi tindakan.

Justeru, resolusi ke arah memantapkan penggunaan kepelbagaian setiap kategori utama, subkategori dan sub-subkategori soalan kefahaman meliputi pelbagai aras kognitif soalan dapat memberi pendedahan ke arah merangsang dan meningkatkan tahap pemikiran pelajar kepada keupayaan berfikir yang lebih mantap serta meningkatkan kualiti input penggunaan aspek soalan dan penyoalan dalam bahan implementasi kurikulum ke tahap maksima.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah memperlihatkan fenomena khusus berhubung dengan penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan implementasi kurikulum pengajaran iaitu buku latihan pemahaman pelajar khususnya menerusi jenis-jenis petikan teks pemahaman yang berbeza. Fenomena utama yang dikenalpasti adalah ketidakseimbangan peratus penggunaan kategori soalan disebabkan ketiadaan indikator agihan soalan yang khusus untuk diikuti sebagai garis panduan dalam binaan soalan-soalan kefahaman. Akibatnya tiga senario berikut didapati wujud:

Pertama, bias penggunaan kategori soalan iaitu kesan daripada ketiadaan indikator agihan soalan untuk menetapkan kadar penggunaan setiap kategori soalan dalam binaan soalan-soalan kefahaman. Ini membawa kepada keadaan di mana setiap kategori soalan menerima

jumlah peratus penggunaan yang berbeza-beza dengan tiada had kadar ketetapan dan membawa kepada longgokan soalan dalam sesuatu kategori soalan sama ada bagi kategori utama, subkategori mahupun sub-subkategori soalan. Keadaan ini membawa kepada corak binaan soalan kefahaman dengan kompleksiti soalan yang terhad dan keutamaan tumpuan yang meliputi hanya beberapa tahap soalan bagi penggunaan kategori utama; penggunaan beberapa jenis subkategori soalan; dan tumpuan kepada beberapa aspek penyoalan dan frasa penyoalan sahaja bagi sub-subkategori soalan. Ini menyebabkan ada kategori-kategori tersebut yang mendapat tumpuan utama dan ada yang hanya diberi pendedahan pada kadar minima serta tidak diberikan pendedahan langsung. Implikasinya, bias penggunaan kategori ini memperlihatkan kelemahan dalam urusan penggunaan taksonomi soalan khususnya bagi petikan teks pemahaman sehingga mewujudkan jurang perbezaan peratus yang begitu ketara di antara kategori-kategori soalan tersebut. Kesannya pelajar-pelajar tidak mendapat pendedahan yang wajar berhubung kepelbagaiannya kompleksiti soalan tetapi operasi pemikiran mereka hanya disogok dan diasuh kepada jenis-jenis soalan yang mendapat tumpuan utama dalam petikan teks yang diberi. Ini menyebabkan manipulasi pemikiran mereka terhad hanya kepada soalan-soalan yang diberi tumpuan sahaja di mana jika pendedahan yang diberikan tertumpu pada tahap kompleksiti soalan yang rendah, akan membentuk pemikiran pelajar pada konteks pemikiran yang tidak mencabar dan tidak kritikal. Jika ini berterusan, sukar bagi kita untuk memenuhi kehendak pembangunan intelek pelajar secara menyeluruh dan bersepada dengan cakupan konteks kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis seperti sasaran kurikulum pendidikan. Keadaan ini juga akan menjelaskan kualiti input bahan implementasi kurikulum tersebut kerana gagal menyediakan pelajar dengan bahan yang merangsang pemikiran kepada kepelbagaiannya kompleksiti soalan.

Kedua, unsur-unsur stereotaip pertanyaan iaitu pengulangan format pertanyaan yang sama bagi penggunaan jenis-jenis soalan, aspek-aspek penyoalan serta frasa-frasa penyoalan bagi setiap latihan merentasi setiap jenis petikan teks pemahaman. Stereotaip pertanyaan memberi implikasi kepada penggunaan skop penyoalan dan frasa pertanyaan yang terhad dalam mengemukakan soalan. Pengulangan ini menjelaskan keadaan tiada kepelbagaiannya dalam pertanyaan bagi setiap latihan yang diberi. Keadaan ini memberi kesan negatif kepada pengalaman pembelajaran pelajar juga kepada corak pemikiran mereka yang terhad kepada skop yang sama dan tidak meluas. Pendedahan pelbagai bentuk soalan wajar diberikan kepada pelajar bagi membolehkan landasan pemikiran yang kukuh dibentuk untuk mengerakkan strategi pemikiran secara berkesan dalam menangani dan menjawab pelbagai bentuk pertanyaan.

Ketiga, trend penggunaan kategori soalan mengikut jenis petikan teks pemahaman iaitu hanya kategori soalan tertentu sahaja digunakan dalam binaan soalan kefahaman mengikut kesesuaian dengan latar petikan teks pemahaman. Dalam hal ini petikan teks umum yang berlatarkan karya rencana ilmiah didapati tertumpu binaan soalannya dalam kategori Soalan Tahap Literal, Inferensi dan Penilaian, manakala kategori Soalan Tahap Penghayatan tidak digunakan langsung. Rasionalnya di atas ketidaksesuaian binaan Soalan Penghayatan bagi teks tersebut. Sebaliknya bagi petikan teks moden, klasik dan puisi dengan latar karya sastera daripada cerpen, drama, prosa klasik, puisi tradisional dan sajak dengan keutamaan kepada unsur penghayatan teks, kepelbagaiannya penggunaan kategori utama, subkategori dan sub-subkategori soalan lebih meluas diaplikasikan. Cuma unsur-unsur tumpuan dan keutamaan

kepada kategori-kategori tertentu masih ketara wujud. Implikasinya tahap binaan soalan kefahaman bahasa masih terhad dan gagal distruktur serta digunakan dengan berkesan disebabkankekangan-kekangan yang menyekat kepelbagaian penggunaannya. Penggunaan kepelbagaian kategori dan kompleksiti soalan bagi setiap jenis petikan teks pemahaman memberi pendedahan terbaik kepada pemikiran pelajar. Di sinilah pengetahuan, amalan dan kreativiti pihak pembina soalan diperlukan untuk mengagihkan binaan soalan kepada kepelbagaian kategori tanpa melabelkannya mengikut jenis petikan teks. Kesesuaian kategori dengan jenis petikan teks pemahaman memang perlu diambil kira tetapi kreativiti dalam mempelbagaikan binaan soalan kefahaman kepada pelbagai kategori dapat mengatasi corak binaan soalan-soalan yang wujud dengan trend dan dapat memastikan soalan-soalan kefahaman bahasa lebih mencabar kompleksitinya.

## **CADANGAN**

Hasil daripada dapatan kajian disarankan beberapa cadangan untuk diberi penegasan oleh pihak-pihak tertentu bagi merealisasikan penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan implementasi kurikulum pengajaran dan pembelajaran bahasa ke arah kemantapan pembentukan keupayaan berfikir pelajar dan input bahan kurikulum Bahasa Melayu khususnya.

- a. Binaan soalan-soalan kefahaman dalam kurikulum pendidikan bahasa wajar diasaskan kepada garis panduan yang dapat mengatasi fenomena yang wujud hasil daripada kajian. Justeru penggunaan senarai semak yang dihasilkan sebagai instrumen kajian akan direalisasikan sebagai modul untuk dijadikan garis panduan binaan soalan kefahaman bahasa. Tindakan ini dapat dijadikan indikator semakan dalam membina soalan untuk setiap kategori soalan dan dapat mengelak daripada bias kategori, stereotaip pertanyaan dan trend soalan bagi jenis petikan teks tertentu.
- b. Tindakan kawalan mutu ke atas binaan soalan-soalan dalam bahan implementasi kurikulum terutamanya bagi latihan-latihan pemahaman wajar digiatkan dengan tegas. Pembentukan panel editan dari kalangan profesional akademik sama ada di peringkat kementerian, jabatan mahupun sekolah menerusi pihak-pihak antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Buku Teks, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan, Ketua Bidang Bahasa, Panitia, Guru-guru juga kalangan penulis dan penerbit dapat bersatu tenaga bagi menjamin penghasilan input bahan yang terbaik dan berkesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.
- c. Kursus, bengkel, seminar dan pelbagai bentuk wacana ilmu berkaitan dengan input pengajaran dan pembelajaran wajar diteruskan dan digalakkan serta diperluaskan penyertaannya di kalangan peserta dalam bidang pendidikan juga yang berkaitan dengannya. Input ini dapat menjana peningkatan dan pengukuhan ilmu serta mengelak ketidakfahaman dalam bidang yang berkaitan. Pihak Kementerian Pendidikan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan juga institusi pendidikan wajar memainkan peranannya di sini.
- d. Pihak pendidik khususnya guru-guru, kalangan penulis dan penerbit serta mana-mana pihak yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang pendidikan wajar melengkapi pengetahuan ilmu terhadap bidang fokus yang berkaitan. Input yang dihasilkan dan diterbitkan sebagai bahan implementasi kurikulum seharusnya mencapai

sasaran kualiti terbaik dan tidak mementingkan komersil semata-mata bagi yang berkaitan.

- e. Capaian maklumat menerusi ruang dalam kemajuan teknologi maklumat perlu dimanfaat dengan menghebahkan hasilan kajian juga maklumat-maklumat yang berkaitan menerusi pangkalan data khusus. Kemudahan ini perlu dimanfaatkan oleh institusi-institusi seperti Perpustakaan Negara, Institusi Pendidikan Tinggi dan seumpamanya untuk menghasilkan serta menyiarkan laman web dengan capaian hasil penyelidikan sebagai bahan rujukan secara terbuka kepada masyarakat. Manfaatnya, pemerolehan ilmu dihujung jari dapat membantu peningkatan ilmu serta pemantapan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang ada.

## PENUTUP

Pelaksanaan kajian telah memperlihatkan aspek kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan implimentasi kurikulum masih gagal menyediakan minda pelajar ke arah kepelbagaian tahap berfikir malah pemikiran pelajar hanyalah terhad kepada skop pertanyaan yang stereotaip. Input binaan soalan-soalan dalam bahan implimentasi kurikulum tersebut masih memerlukan peningkatan ke arah kandungan kompleksiti soalan yang lebih mencabar minda pelajar serta menjamin kualiti input kurikulum ke tahap yang membanggakan. Justeru, kalangan pihak penggubal dan pelaksana input dalam bahan implimentasi kurikulum baik di peringkat institusi pendidikan, kalangan pendidik juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang ini seharusnya prihatin dan memberi perhatian serius kepada konteks binaan soalan dengan kepelbagaian kompleksiti kerana ianya memberi kesan ke atas keupayaan berfikir pelajar dan kemantapan kualiti input bahan kurikulum dengan jelas.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1999). *Kemahiran berfikir merentasi kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor Abdullah & Yunus Muhamad. (1990). Ke arah penghasilan buku teks yang bermutu. *Jurnal Pendidikan*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Persekutuan.
- Abu Bakar Nordin. (1991). *Kurikulum: Perspektif dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Batson, A.D. (1981). *Questioning: A reading/thinking foundation for the gifted*. Paper presented at the Annual Meeting of the Southwest Regional Conference of the International Reading Association, San Antonio, Texas.
- Bloom, B.S. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Cognitive domain*. New York: Mc Kay.
- Browne, N. & Keeley, S.M. (1990). *Asking the right questions. A guide to critical thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Chinoda, A.M. (1982). An analysis of questions in selected high school Social Studies textbooks used in Zimbabwe. *Dissertation Abstracts International*, 43 (6), 1918-A.
- Cole, R.A. & Williams, D.M. (1973). Pupil responses to teacher's question: Cognitive level, length and syntaxm. *Educational Leadership*, 31, 142-145.

- Costa, A.L. (1985). *Development minds: A resource book of teaching thinking*. Preston, V.A. : Association for Supervision and Curriculum Development.
- De La Cruz, L.D. (1971). An analysis of Philippine Social Studies textbooks. *Dissertation Abstracts International*, 32 (1), 665-A.
- Dillon, J.T. (1981). Duration of response to teacher's questions and statements. *Contemporary Educational Psychology*, 6, 1-11.
- \_\_\_\_\_. (1982). The multi-disciplinary study of questioning. *Journal of Educational Psychology*, 74 (2), 147-165.
- Feldhusen, J.F. & Treffinger, D.J. (1980). *Creative thinking and problem solving in gifted education*. Dubuque, Iowa: Kendal/Hunt.
- Fraenkel, R.J. (1986). *Helping students to think and value strategic for teaching Social Studies*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Guszak, F.J. (1967). Teacher questioning and reading. *The Reading Teacher*, 21, 227-234.
- Langrehr, J. (1993). *Better questions better thinking, Book 2*. Melbourne: Longman Cheshire
- Long, M.H. & Sato, C.J. (1983). Classroom foreigner talk discourse: Forms and functions of teachers. *Classroom Oriented Research in Second Language Acquisition*, ed. Mass: Newbury House.
- Mahzan Arshad. (1993). *Preferen pelajar tingkatan empat terhadap bahan kesusasteraan dan hubungannya dengan tahap pemahaman bacaan*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff. (1989). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari, Sdn. Bhd.
- McKenzie, G.R. (1972). Some effects of frequent quizzes on inferential thinking. *American Educational Research Journal*, 9 (2), 231-240.
- McKenzie, J. (1997). A questioning toolkit. *The Educational Technology Journal*, 7 (3), November-December.
- Noor Rohana Mansor. (1996). *Analisis soalan kefahaman dalam buku kerja Bahasa Melayu peringkat menengah atas*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Analisis soalan kefahaman kertas ujian Bahasa Melayu tahun enam sekolah rendah di negeri Terengganu: Hala tuju UPSR*. Kertas Kerja Wacana Pendidikan Ke-4, Maktab Perguruan Pasir Panjang: Kuala Terengganu.
- Nor Azuwan Yaakob. (2000). Analisis kualiti buku teks Bahasa Melayu KBSM. *Dewan Bahasa* 44:7 Julai, 777-796.
- Rawadieh, S.M. (1998). An analysis of the cognitive levels of questions in Jordanian secondary Social Studies textbooks according to Bloom's taxonomy. *Dissertations Abstracts International*, 59 (4), 1060-A.
- Roger, R.J. (1973). An analysis of instructional questions in Social Studies textbooks prepared for use in grades four, five and six. *Dissertation Abstracts International*, 34 (4), 1776A-1777A.
- Saedah Siraj. (1990). An analysis of gender stereotyping in Malay Language elementary reading textbooks: Implication for Malaysian education. Doctoral Dissertation. University of Pittsburgh.
- Sanders, N.M. (1966). *Classroom question: What kinds?* New York: Harper and Row.

- Schiever, S.W. (1991). *A comprehension approach to teaching thinking*. Boston: Allyn and Bacon.
- Schmidt, J. (1972). An assessment of the cognitive content of questions contained in selected high school Physics textbooks. *Dissertation Abstracts International*, 32(1), 677A-678A.
- Smith, C.T. (1978). Evaluating answers to comprehension questions. *The Reading Teacher*, 31, 896-900.
- Taba, H. (1962). *Curriculum development, theory and practice*. New York: Harcourt Brace.
- Taba, H. & Elzey, F.F. (1964). Teaching strategies and thought processes. *Teachers College Record*, 65, 524-534.
- Taba, H. (1966). Teaching strategies and cognitive functioning in elementary school children. *Cooperative Research Project*. San Francisco: San Francisco State College.
- U.S. Department of Education (USDOE). (1980). *What works: Research about teaching and learning*. Washington: USDOE.
- Wadleigh, C.B. (1970). Question in American History textbooks as contributors to development of thinking skills. *Dissertation Abstracts International*, 30 (8), 3206-A.